

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]
TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan berupa bakul makanan kepada penduduk yang terkesan di kawasan Parlimen Tanjong Manis. Di samping itu, peruntukan untuk menubuhkan bank makanan atau *food bank* juga perlu diberikan memandangkan kesan pandemik ini masih berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedar bahawa barangan keperluan asas merupakan keutamaan bagi setiap golongan rentan, lebih-lebih lagi pada waktu pandemik COVID-19 yang sedang menular ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan berhubung perkara ini adalah dengan menyediakan program bakul makanan yang mengandungi barangan makanan asas kepada golongan yang memerlukan.

2. Di bawah pakej PERMAI, Kerajaan memperuntukkan 50 juta ringgit kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk melaksanakan Program Bakul Makanan bernilai 100 ringgit kepada 500 ribu isi rumah yang layak. Bagi Parlimen Tanjong Manis, seramai 661 orang penerima telah memperoleh manfaat daripada program ini.

3. Selanjutnya, di bawah pakej PEMERKASA pula, Kerajaan menumpukan pemberian bantuan barangan dapur kepada golongan miskin bandar dengan peruntukan keseluruhan sebanyak 100 juta ringgit. Melalui program ini, setiap isi rumah yang layak akan menerima 100 ringgit sebulan untuk tempoh tiga bulan melalui inisiatif pembelian tanpa tunai. Program ini telah memanfaatkan kira-kira 300 ribu isi rumah kurang berkemampuan yang tinggal di bandar-bandar utama di seluruh negara.

4. Melihatkan kepada bilangan kes COVID-19 harian yang semakin meningkat pada bulan Mei dan Jun 2021 sehingga memaksa Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, Kerajaan cakna bahawa soal kebajikan rakyat tidak boleh dikesampingkan, lebih-lebih lagi golongan B40. Menyedari hakikat ini, di bawah pakej PEMULIH, sebagai tambahan kepada program Bantuan Bakul Makanan sedia ada, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 300 ribu ringgit kepada setiap ahli Parlimen, termasuk Ahli Parlimen Tanjung Manis, untuk melaksanakan Bantuan Bakul Makanan kepada golongan terjejas di kawasan masing-masing. Selain itu, Kerajaan turut menyediakan 10 juta ringgit khas untuk tujuan melaksanakan Bantuan Bakul Makanan khusus kepada masyarakat Orang Asli.

5. Bagi Bajet 2022, Kerajaan akan mengkaji semula keberkesanan program ini dan menambah baik program sedia ada sebelum memperkenalkan program baharu yang mampu memberikan impak positif kepada kesejahteraan rakyat, khususnya buat golongan yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.